

Usahawan muda harus banyak belajar untuk berjaya

UM 2 AUG 2001

KUALA LUMPUR 1 Ogos — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan usahawan muda supaya belajar dari usahawan lama dan patuh kepada etika perniagaan jika mahu berjaya dalam perniagaan.

Perdana Menteri berkata, apabila telah berjaya, mereka perlu menyumbang semula kepada masyarakat yang selama ini telah banyak menyokong dan membantu perniagaan mereka.

Menurutnya, sumbangan semula kepada masyarakat itu sangat penting kerana melalui masyarakat akan menjadi semakin kaya dan usahawan akan dapat terus memajukan perniagaan mereka.

“Saya yakin usahawan muda berkemampuan, bersedia untuk belajar dari usahawan terdahulu dan faham tanggungjawab mereka kepada masyarakat dan negara,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis pelancaran ‘Belajar Dari Usahawan Malaysia’ anjuran Persatuan Usahawan Muda Malaysia (PUMM) di sini hari ini.

Dr. Mahathir berkata, generasi usahawan lama pula diminta membantu usahawan muda ini dengan mencurahkan segala pengalaman yang mereka miliki walaupun usahawan muda mungkin boleh mencari pengalaman sendiri.

Pada masa yang sama, Dr. Mahathir juga mahu usahawan yang berjaya terutama usahawan Cina supaya membantu usahawan dari kaum yang lain supaya jurang ekonomi dapat dirapatkan.

“Mereka terutama usahawan Bumiputera perlu dibantu tetapi bukan dengan memberi mereka wang, sebaliknya menjadikan mereka rakan kongsi dan mendi-

dik mereka tentang etika perniagaan yang baik,” katanya.

Beliau berkata, PUMM adalah sebuah persatuan yang baik dan boleh memanfaatkan banyak pihak.

Katanya, kerajaan sentiasa menyokong persatuan seperti ini kerana ia bukan sahaja dapat menyumbang kepada kemakmuran masyarakat tetapi juga dapat mewujudkan usahawan dan perniagaan baru.

Pada majlis itu, Dr. Mahathir turut melancarkan Dana Asas Usahawan PUMM dengan dana sebanyak RM250,000 termasuk RM125,000 dari sumbangan peribadi, Presiden Kehormat PUMM, Tan Sri Lee Kim Yew.

Dana itu akan digunakan untuk membantu peniaga-peniaga kecil dan nilainya akan ditambah sehingga mencapai RM5 juta.